



PENYELIDIK UPM HASILKAN TEKNOLOGI ALTERNATIF RAWAT SISA AIR KUMBAHAN



SERDANG – Penyelidik dari Jabatan Senibina, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Ts. Dr. Rahinah Ibrahim terpilih menjadi salah seorang pengasas dan ahli komuniti inovator global yang dikagumi dan diiktiraf oleh GIST Oceans Series (Siri Lautan GIST) melalui inovasi Sistem Rawatan Kumbahan Tidak Berpusat (ISTP).

ISTP ialah sebuah teknologi rawatan kumbahan yang dipasarkan melalui syarikat OceaNori, sebuah syarikat pemula di Malaysia untuk menyokong aktiviti pembangunan ekonomi marin.

Ketua penyelidik, Prof. Rahinah berkata, ISTP unik kerana mudah dipasang dengan melilit pada tiang. Saiz kecilnya pula memudahkan tangki diangkat, dipasang dan diselenggara tanpa menjejaskan hasil kumbahan terawat yang memenuhi Standard A Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional (SPAN).

“Saya menghargai bagaimana rakan-rakan penyelidik UPM dan UMS turun padang bersama-sama wakil NGO untuk memberi beliau peluang berkongsi pengalaman projek di pentas UNEP.” katanya.

Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) telah menyalurkan dana kepada NGO Action Caring Team (M) Berhad yang bekerjasama dengan penyelidik UPM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk melaksanakan pemasangan 10 tangki ISTP di Pulau Gaya, Sabah dan melatih 10 orang nelayan dalam pengendalian tangki.

Selain itu, Prof. Rahinah adalah Ketua, Jawatankuasa Implementasi, Program Inisiatif Sisa Kumbahan Sejagat UNEP yang memberi beliau peluang berkongsi pengalaman projek di pentas UNEP.

UPM berbangga dengan sumbangan impak ISTP dalam Projek Sanitasi Penempatan Air di Sabah yang diiktiraf sebuah Projek Amalan Terbaik SDG oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun Julai 2021.

Datuk Bandar Kota Kinabalu telah menyenaraikan program sanitasi di penempatan air sebagai sebuah projek di bawah Inisiatif “Luv KK” yang dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri Sabah pada April 2022. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu akan bekerjasama dalam membangun sebuah garis panduan pengurusan sanitasi khusus untuk penempatan air.

Garis panduan tersebut dijangka akan memenuhi matlamat UNEP yang menasaskan untuk membangunkan sebuah komuniti selaras dengan pemuliharaan biodiversiti di laut. Di pihak UPM, hasil dapatan projek di harap dapat menaikkan skala ISTP untuk menjayakan pembangunan di persada antarabangsa. Penglibatan ISTP akan membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mencapai sasaran “satu rumah, satu tandas” yang terpeksa ditunda dari tahun 2030 ke 2070 kerana kekangan sistem sanitasi yang bersesuaian dengan geografi yang mencabar.

Siri Lautan GIST dilancarkan di bawah Program Inovasi Global melalui Sains dan Teknologi (GIST) dan memfokus kepada pembangunan visi yang saksama, mampan dan menarik bagi inovasi lautan sejagat yang baharu. Siri Lautan GIST ini menasaskan untuk menentang para inovator melalui program dan inisiatif ke seluruh dunia dengan hasrat memperkasa pembangunan generasi pengusaha muda melalui penciptaan Ekonomi Biru (Blue Economy) yang bersifat global.

Sejak 2011, GIST bekerjasama dengan lebih 27 juta ahli komuniti inovasi dari pelbagai sektor swasta di seluruh dunia. GIST mengamalkan penyelesaian di peringkat awal oleh syarikat-syarikat permulaan dengan menangani cabaran kewangan dan pembangunan melalui rangkaian, pembinaan kemahiran, bimbingan dan akses kepada pembiayaan. Sehingga kini, GIST telah melatih lebih 15,000 syarikat permulaan yang telah menjana lebih \$250 juta hasil. OceaNori adalah pemenang Pertandingan Syarikat Pemula GIST-APEC 2018 di Brisbane, Australia.

Maklumat lanjut hubungi :

Nor Azidah Ismail
Pegawai Eksekutif
Putra Science Park
Universiti Putra Malaysia
Tel: 017-6844721
Emel: promosi@upm.edu.my

LIHAT JUGA



Harga Air Mineral 'Kayangan', Persoalannya Kenapa? (/berita /harga_air_mineral_kayangan_persoalannya_kenapa-67155)



PELANTIKAN SEMULA DULI YANG MAHA MULIA (D.Y.M.M) SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ SEBAGAI CANSELOR UPM (/berita /pelantikan_semula_duli_yang_maha_mulia_dyymm_sultan_sharafuddin_idris_shah_alhaj_sebagai_canselor_upm-67154)



UPM Ke-123 Universiti Terbaik Dunia, Lonjakan 20 Anak Tangga (berita /upm_ke_123_universiti_terbaik_dunia_lonjakan_20_anak_tangga-67153)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
☎ +603-9769 1000
✉ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

Tarikh Input: 09/06/2022 | Kemaskini: 09/06/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpenyelidik_upm_hasilkan_teknologi_alternatif_rawat_sisa_air_kumbahan-67034&title=PENYELIDIK%20UPM%20HASILKAN%20TEKNOLOGI%20ALTERNATIF%20RAWAT%20SISA%20AIR%20KUMBAHAN%20%27%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24
JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/spin/>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub
(<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://spsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action?security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<https://www.moe.gov.my/>)
 Keluarga Malaysia
(<https://keluarga.malaysia.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)
 Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
 Portal myGovernment
(<https://www.malaysia.gov.my/>)
 Agensi Kelayakan Malaysia
(<https://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
 Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
 Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)
 Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)
 Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
 UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)
 Takwim UPM 2022 ([https://pspk.upm.edu.my/upload/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_\(KESELURUHAN\).pdf](https://pspk.upm.edu.my/upload/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_(KESELURUHAN).pdf))

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
 UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL

BM ▾



Entiti Kami



Dokumen



Newsletter



Tetapan

UPM UIC
(<http://putra.upm.edu.my/>)PORTAL
(<http://portal.upm.edu.my/>)BANTUAN
(<http://www.pertanika.upm.edu.my/>)e-LEARNING HUB
(<http://www.learninghub.upm.edu.my/>)UPM IFC
(<http://www.psisir.upm.edu.my/>)SMP
(<https://smp.upm.edu.my/>)i-GIMS
(<http://spsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)e-claim
(<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)e-ISO
(<http://reg.upm.edu.my/eISO/>)emailupm
(<http://email.upm.edu.my/>)